

Headline	Pendapatan peniaga durian merosot		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	08 Jul 2018	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	166,774
Page No	1,3	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	573 cm <sup>2</sup>
Journalist	ZAID MOHD. NOOR	AdValue	RM 14,870
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,610



## Peniaga durian alami kemerosotan pendapatan 40 peratus

LAMBAKAN durian di pasaran yang menyebabkan raja buah itu mengalami kejatuhan harga sejak dua minggu lalu turut mengakibatkan peniaga durian mengalami kekurangan pendapatan sehingga 40 peratus.

Seorang peniaga durian di Sabak Bernam, Selangor, Razali Lan, 63, berkata, sebelum ini dia mampu menjual 500 kilogram

durian sehari berbanding sekarang hanya sekitar 200 kilogram durian sehari.

"Saya hanya dapat jual durian kampung sebanyak 200 kilogram sehari walaupun harganya sangat murah iaitu antara RM5 hingga RM10 sekilogram," katanya kepada *Kosmo! Ahad* semalam.

» LAPORAN DI MUKA 3

RAZALI (duduk bersila) mengakui pendapatan jualan buah duriannya di pekan Sabak Bernam, Selangor mengalami kejatuhan sehingga 40 peratus.

BAWAH: Keratan *Kosmo!* semalam.



Headline	Pendapatan peniaga durian merosot		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	08 Jul 2018	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	166,774
Page No	1,3	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	573 cm <sup>2</sup>
Journalist	ZAID MOHD. NOOR	AdValue	RM 14,870
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,610

Untung sedikit ekoran berlaku lambakan bekalan, permintaan tetap tinggi

# Pendapatan peniaga durian merosot

Oleh Zaid Mohd. Noor,  
Faizal Nazaruddin,  
Mohd. Husairy Sidek  
dan Ain Safre Bidin

**SABAK BERNAM** — Penurunan mendadak harga buah durian di beberapa negeri mungkin menjadi berita gembira buat pengguna namun lain pula halnya dengan peniaga apabila rata-rata mendakwa pendapatan mereka terjejas namun masih mampu mendapat untung kecil.

Seorang peniaga di pasar malam Pekan Sabak Bernam di sini, Razali Lan, 63, mendakwa pendapatannya merosot kira-kira 40 peratus ekoran harga jualan durian lebih murah ekoran berlaku lambakan bekalan sejak dua minggu lalu.

Dakwa peniaga durian sejak 20 tahun lalu itu, dia hanya mampu menjual kira-kira 200 kilogram (kg) sehari berbanding 500kg durian kampung sebelum ini.

"Musim lalu permintaan masih tinggi walaupun harga mahal dan saya mampu jual sampai 500 kg. Bagaimanapun, kali ini



NORLILA (dua dari kanan) bertanya sesuatu tentang durian yang dijual Razali (duduk di kiri) di pasar malam Pekan Sabak Bernam semalam.

permintaan tidak sehebat dahulu walaupun harga durian murah.

"Rata-rata durian kampung yang baik saya jual RM10 sekilogram namun jika tidak elok, saya jual RM5 sahaja. Saya mendapat bekalan durian kampung di Chenderong Balai, Perak," dakwanya ketika ditemui di sini semalam.

Tambahnya, walaupun harga merosot, dia masih mendapat keuntungan dan dapat menampung kos perniagaannya.

Sementara itu, seorang pelanggan, Norlila Mispah, 41, yang tinggal di Taman Pertama di sini berkata, dia merupakan peminat tegar durian dan akan membeli setiap kali musim tiba lebih-lebih lagi ketika harga menjadi murah ekoran lambakan bekalan.

Sementara itu, di **Pontian, Johor**, seorang pekebun, Mohd. Raduzan Ali, 32, turut mendakwa pendapatannya berkurangan sehingga 40 peratus berbanding Disember ta-



PELANGGAN memilih durian ketika datang ke gerai Mohd. Rajali di Pasar Tani, Teluk Intan semalam.

hun lalu.

"Musim lepas harga durian mahal kerana tidak semua kebun menghasilkan buah.

"Tahun lepas saya jual durian kampung RM15 sekilogram namun kini RM7. Saya memiliki 30 batang pokok durian pelbagai jenis seperti kampung, D24, IOI dan Musang King di kebun yang diusahakan di Kampung Air Putih Pekan Nanas, Pontian," dakwanya ketika dihubungi.

Nasib yang sama ber-

laku di **Perak** apabila peniaga di Pasar Tani Teluk Intan mendakwa harga raja buah itu terpaksa diturunkan sehingga 50 peratus untuk dijual kepada pelanggan.

Nawawi Yop Musa, 49, mendakwa, harga durian kampung kini dijual pada harga RM8 berbanding RM15 sebelum Ramadan lalu.

"Bekalan sudah banyak jadi harga terpaksa diturunkan kepada 50 peratus. Saya dapat jual 500kg dalam tempoh empat jam

bermula pukul 9 pagi," katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohd. Rajali Sabri, 47, berkata, beliau terpaksa mengikut harga setempat yang dijual untuk terus bersaing.

"Sambutan agak menggalakkan kerana satu tan durian kampung masih tidak cukup nak tampung permintaan ekoran harga yang murah," katanya.

Bagaimanapun di **Kedah**, kebanyakan peniaga masih menjual pada harga tinggi ekoran kebun tempatan masih belum mengeluarkan hasil sepenuhnya.

Seorang peniaga di Pasar Simpang Kuala, Alor Setar, Azarudin Hashim, 28, mendakwa, durian yang dijual diperolehi daripada pembekal dari Perak dan Pahang.

Katanya, durian jenis Musang King dijual pada harga RM45 sekilogram berbanding RM70 sebelum ini, udang merah RM30 (RM45), IOI RM30 (RM40) dan kampung RM8 (RM15) manakala D14 dan D11 dijual pada harga antara RM20 hingga RM22 sekilogram berbanding RM25 sebelum ini.